

KETOKOHAN AL-MARBAWI DALAM PENULISAN KARYA SYARAHAN HADITH

Mohd Solleh Ab Razak ⁱ

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah. Emel:
sollehrazak@ums.edu.my

ABSTRAK

Karya syarah hadith merupakan karya yang membantu bagi mencapai kefahaman yang tepat dan pengetahuan yang luas berkaitan hadith. Al-Marbawi merupakan tokoh *muhaddithīn* terulung di Alam Melayu yang menghasilkan karya syarah hadith. Dalam penulisan karya syarah hadith, pematuhan terhadap kerangka syarah hadith adalah sangat penting bagi menghasilkan karya hadith yang berkualiti dan bermanfaat kepada masyarakat. Artikel ini bertujuan mengkaji ketokohan al-Marbawi dalam penulisan karya syarah hadith dari sudut piawaian kerangka penulisan syarah hadith. Bagi mencapai objektif tersebut, kaedah kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan digunakan dalam proses pengumpulan dan penganalisan data. Skop kajian ini terhad kepada tiga karya syarah hadith yang dihasilkan oleh al-Marbawi iaitu *Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa al-Marbawi mensyarahkan hadith dengan mengikuti kerangka syarahan hadith iaitu dengan mengemukakan *takhrīj al-ḥadīth* dalam syarah hadith, mengemukakan syarahan terhadap lafaz-lafaz ganjil berdasarkan ilmu *gharīb al-ḥadīth*, mengemukakan kefahaman makna hadith secara ringkas, memastikan zahir hadith selari dengan kehendak Nabi Muhammad SAW dan menghimpunkan dalil-dalil berkaitan berdasarkan topik hadith. Dengan itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan ketokohan al-Marbawi dalam penulisan karya syarah hadith yang memenuhi aspek kerangka syarahan hadith.

Kata-kata kunci: al-Marbawi, Karya, Ketokohan, Syarah Hadith

PENGENALAN

Perhatian dan keprihatinan *muhaddithīn* terhadap syarah hadith bermula sejak zaman Sahabat lagi. Mereka memberi mengambil berat terhadap Sunnah, sama ada ketika Nabi Muhammad SAW masih hidup dan juga selepas Baginda wafat. Para sahabat mempelajari secara tekun, menjadikan sumber hujah dan rujukan untuk mengetahui pegangan akidah, hukum, adab dan akhlak. Perhatian dan keprihatinan sahabat terhadap sunnah dan memahaminya secara mendalam menyebabkan mereka mengerahkan segala tenaga untuk berkhidmat kepada hadith (Al-‘Awnī, 2021, p. 23).

Kesungguhan ini lahir daripada kesedaran para *muhaddithīn* terhadap usaha untuk mensyarahkan hadith dan memahami makna hadith. ‘Alī bin al-Madīnī (w. 234H) menyatakan

bahawa memahami makna hadith merupakan separuh ilmu dan mengetahui perawi hadith merupakan separuh ilmu yang berbaki (Al-Rāmahurmuzī, 1404, p. 320). Berasaskan kepentingan memahami hadith melalui syarah hadith, maka al-Khaṭīb al-Baghdādī (w. 463H) menasihati para pelajar hadith agar menekuni syarah hadith dengan menyatakan bahawa usaha yang banyak dalam menulis dan meriwayatkan hadith tidak akan menjadikan seseorang itu *faqīh*. Sebaliknya, seseorang menjadi *faqīh* apabila seseorang berusaha bersungguh-sungguh untuk berfikir secara mendalam berkaitan makna-makna hadith (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1421H, p. 2:159). Oleh yang demikian, Abū Shāmah (w. 665H) berpandangan bahawa ilmu yang paling tinggi dan paling mula berkaitan ilmu hadith ialah menghafaz matan hadith, pengetahuan dan kefahaman berkaitan perkataan ganjil (*gharīb*) pada matan (Abū Shāmah, 1999, p. 45).

Ketokohan al-Marbawi sebagai salah seorang ilmuan yang banyak menabur jasa diakui oleh para ilmuan dan masyarakat di Malaysia (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 171). Bahkan beliau diiktiraf sebagai ilmuan Nusantara yang memberi sumbangan besar dalam dunia pengajian hadith (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2023, p. 276). Jasa besar beliau dapat diperlihatkan melalui pelbagai karya yang beliau hasilkan dalam pelbagai seni ilmu (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 171). Walaupun demikian, ketokohan beliau dalam bidang pengajian hadith lebih menyerlah apabila karya hadith beliau terutamanya *Baḥr al-Mādhī* telah memberikan sumbangan besar yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana ulama Melayu. Bahkan sehingga ke hari ini, pengkaji tidak mendapati mana-mana penulis atau mana-mana karya hadith yang dapat menandingi atau menyaingi karya beliau. Oleh yang demikian, hal ini telah melonjakkan nama al-Marbawi sebagai salah seorang ulama Nusantara dalam bidang pengajian hadith tatkala karya hadith tidak banyak dihasilkan pada waktu itu (Ahmad Shah, F., 2007, p. 454). Daripada usaha dan kesungguhan inilah, beliau digelar sebagai *al-Muḥaddith al-Mālīzī* iaitu pakar hadith Malaysia (Hoque, M., et al., 2018, p. 88).

Berdasarkan latar belakang tersebut, kajian ini akan mengkaji berkaitan ketokohan al-Marbawi dalam penghasilan karya hadith. Pengkaji akan memfokuskan adakah al-Marbawi memenuhi kerangka disiplin syarahan hadith tatkala penghasilan syarah hadith. Berdasarkan kajian ini, pengkaji akan menjawab berkaitan ketokohan al-Marbawi dalam penghasilan penulisan karya hadith bermula dengan latar belakang pendidikan al-Marbawi, karya-karya hadith al-Marbawi dan pematuhan terhadap disiplin kerangka syarahan hadith.

KAJIAN LITERATUR

Latar Belakang Pendidikan al-Marbawi

Nama lengkap al-Marbawi ialah Mohamed (Mat Ludin, I., 1991, p. 1) Idris bin Abdul Raof bin Ja'far bin Idris (Zakaria, A. R., 2007, p. 91). Dalam karya-karya beliau, nama Mohamed Idris Abdul Raof al-Marbawi al-Azhari (محمد إدريس عبد الرؤوف المرئوي الأزهرى) sering digunakan (Mat Ludin, I., 1991, p. 1). Namun secara panggilanannya, beliau lebih dikenali dengan nama Syeikh al-Marbawi. Al-Marbawi merupakan gelaran yang disandarkan kepada kampung asal keluarganya iaitu di Lubuk Merbau yang terletak kira-kira 10 km dari bandar Kuala Kangsar, Perak (Nordin, M. N. et al., 2008, p. 17). Selain gelaran al-Marbawi, beliau turut menisbahkan dirinya sebagai al-Azhari sempena Universiti al-Azhar, Mesir yang menjadi tempat pendidikan peringkat tinggi beliau.

Berdasarkan pandangan yang lebih tepat, al-Marbawi dilahirkan pada 28 Zulkaedah 1313 Hijrah (Al-Marbawi, 1990, p. 292) bersamaan 12 Mei 1896M sebagaimana tarikh yang tertulis pada Kamus al-Marbawi. Beliau dilahirkan di Kampung Masfalah, Makkah (Saman, T., 1993, p. 78. Mustafa Abdullah, 2009, p. 83). Al-Marbawi pula meninggal dunia pada 13 Oktober 1989, jam 8.30 pagi di Hospital Besar Ipoh, Perak ketika berusia 93 tahun. Jenazah beliau dikebumikan di Perkuburan Islam Lubuk Merbau, Kuala Kangsar (Al-Marbawi, 1990, p. 292. Ahmad Shah, F., 2013, p. 38).

Perkembangan pengajian ilmu al-Marbawi melibatkan tiga buah negara iaitu Makkah, Tanah Melayu dan Mesir (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 173). Al-Marbawi mendapat pendidikan pertama di Mekah yang merupakan tempat kelahiran beliau. Seawal usia empat tahun, beliau mampu membaca dan mula menghafaz al-Quran. Apabila berusia enam tahun, beliau belajar di sekolah Masfalah di Kota Makkah dan berjaya menghafaz 16 juzuk al-Quran ketika berumur 10 tahun (Mat Ludin, I., 1991, p. 7). Di samping mempelajari ilmu-ilmu asas berkaitan syariah dan bahasa Arab (Al-Marbawi, 1990, p. 292), beliau turut menghafaz kitab-kitab ilmu syariah seperti kitab *al-Dam*, *Matan al-Ajrumiyyah* dan lain-lain (Saman, T., 1993, p. 78). Beliau menamatkan pengajian di Mekah pada umur 10 tahun (Mat Ludin, I., 1991, p. 7).

Pada tahun 1902, keluarga al-Marbawi pulang ke Tanah Melayu dan menetap di Lubuk Merbau, Kuala Kangsar, Perak. Oleh itu, beliau meneruskan pendidikan di Sekolah Melayu Lubuk Merbau ketika berusia 11 tahun dan menamatkan persekolahan pada usia 15 tahun, setelah lulus darjah lima (Muhamad Shukri, A. S., 2003, p. 87). Setelah itu, beliau melanjutkan pengajiannya di Pondok Syeikh Wan Muhammad yang terletak di Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak yang merupakan Mufti Perak pada waktu itu (Che Daud, I., 2001, p. 652). Pengajian di sini mengambil masa tiga tahun (Saman, T., 1993, p. 78). Al-Marbawi meneruskan pengajian ke Pondok Tuan Hussain Kedah di Kedah (Abdul Majid, L., 2019, p. 47-49). Kemudiannya ke Pondok Syeikh Ahmad Fatani di Padang Lalang Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Pengajian di sini berlangsung selama empat tahun (Saman, T., 1993, p. 78). Pada tahun 1919, al-Marbawi merantau jauh ke negeri Kelantan untuk menuntut ilmu di Pondok Tok Kenali, Kelantan. Setelah berlalunya empat tahun di pondok tersebut, al-Marbawi pun mengambil keputusan untuk pulang ke Lubuk Merbau bagi menjaga ibunya di kampung pada tahun 1923 (Ahmad Shah, F., 2013, p.7). Kepulangan beliau daripada Pondok Tok Kenali menjadi penamat kepada perjalanannya menuntut ilmu di Tanah Melayu (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 176).

Pada Mac 1924, al-Marbawi memulakan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir (Haris A. H. 2019, p. 97) yang merupakan pusat ilmu pengetahuan dan tamadun serta dianggap sebagai menara ilmu dan kiblat bagi ilmu (Mona Abaza, 1991, p. 335). Di sini, beliau mengikuti dua sistem pengajian secara serentak iaitu pengajian formal di Universiti al-Azhar dan pengajian tidak formal di kelas-kelas pengajian *talaqqi* yang diadakan di masjid-masjid sekitar al-Azhar (Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R., 2021, p. 176). Sekalipun sistem pengajian di Universiti al-Azhar sukar, namun beliau tetap berjaya mendapat *Shahādah ‘Āliyyah* daripada Universiti al-Azhar. Bahkan beliau merupakan antara pelajar terawal yang mendapat shahadah tersebut (Saman, I., 1993, p. 80). Antara guru yang banyak memperngaruhi al-Marbawi dalam

ilmu hadith ialah al-Samālūtī atau nama penuh beliau iaitu Muḥammad bin Ibrāhīm bin ‘Alī al-Ḥumaydī al-Samālūtī al Miṣrī al-Mālikī al-Azharī yang merupakan salah seorang Ahli Lembaga Tertinggi Ulama al-Azhar dan ulama hadis yang masyhur di Kaherah, Mesir sekitar tahun 1920-an (Monika et al., 2011, p. 3). Sebagai sanjungan terhadap beliau, al-Marbawi (1933, p. 1:2) memujinya dalam karya beliau sendiri iaitu *Baḥr al-Mādhī*. Setelah tamat pengajian di Universiti al-Azhar, al-Marbawi tidak pulang terus ke Tanah Melayu, sebaliknya terus menetap di Kaherah, Mesir. Beliau hanya pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1967. Justeru, beliau dianggap sebagai pelajar Melayu yang mempunyai pengalaman yang luas tentang keadaan Mesir dan pembelajaran di Universiti al-Azhar (Haris, . H., 2019, p. 108).

Karya al-Marbawi Dalam Bidang Hadith

Kesungguhan dan khidmat al-Marbawi dalam dunia penulisan tidak mengambil masa yang singkat, bahkan usaha telah dirintis sejak pada zaman pengajian lagi. Menurut Ahmad Shah, F. (2013, p. 17-18), dunia penulisan telah sebatikan dalam jiwa al-Marbawi sejak beliau menimba ilmu di Pondok Tok Kenali lagi. Daripada situlah, penulisannya semakin berkembang sehingga beliau berjaya menghasilkan pelbagai karya yang merangkumi pelbagai bidang ilmu seperti kamus, tafsir, hadith, fekah, tasawuf dan tauhid. Bagi karya genre kamus, beliau berjaya menghasilkan lima buah kamus iaitu Kamus al-Marbawi, Kitab Perbendaharaan Ilmu, Ringkasan Kamus Melayu-Arab Bergambar dan Teladan Belajar Arabnya Yang Senang, Kamus *al-Jayb* ‘Arabi-Melayu Latin dan *Mu’jam al-Kāinah*. Bagi genre tafsir, terdapat tiga karya beliau iaitu Tafsir Qur’an al-Marbawi - Juzuk ١, Tafsir Surah Yasin Bahasa Melayu dan Quran Bergantung Makna Melayu. Bagi genre hadith, terdapat tiga karya beliau iaitu *Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Adapun genre fikah, tasawuf dan tauhid, beliau menghasilkan sebanyak tiga buah buku iaitu Punca Agama dan Pati Hukum Ibadat, Nizam al-Hayat Atau Peraturan Hidup Umat Islam dan Asas Islam (Ab Razak., M. S., 2022, p. 216-217). Demikianlah 14 karya pelbagai bidang ilmu syariat yang beliau hasilkan. Walaupun demikian, Hussin. H., et al., 2016, p. 26) berpandangan bahawa mungkin banyak lagi karya beliau yang belum dicetak kerana sebahagiannya masih dalam bentuk manuskrip atau tidak sampai kepada generasi kini.

Daripada jumlah karya-karya tersebut, pengkaji akan memperkenalkan tiga karya hadith beliau sebagaimana berikut:

Pertama: *Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*

Karya *Baḥr al-Mādhī* merupakan karya yang paling mendapat sambutan sehingga ke hari ini. Karya ini masih dicetak dan berada di pasaran. Nama karya ini dinyatakan secara jelas oleh al-Marbawi (1933, p. 1:3) pada mukadimah kitab. Perkataan *Baḥr* bermaksud lautan yang merupakan satu simbolik kepada seseorang yang mempunyai ilmu yang mendalam dan luas, manakala *al-Mādhī* bermaksud madu yang merupakan simbolik kepada sesuatu yang baik, bernilai dan mendatangkan manfaat (Al-Fayrūz Ābādī, M. Y., 2005, p. 346). Justeru, *Baḥr al-Mādhī* merupakan satu simbolik sebuah kitab yang membincangkan ilmu secara luas dan sangat bermanfaat untuk golongan yang menghayatinya (Ab Razak. M. S., 2022, p. 219).

Judul *Baḥr al-Mādhī* sangat bersesuaian dengan kandungan karya ini yang terdiri daripada 22 juzuk, 2781 hadith, 5068 halaman, 46 kitab, 1831 bab dan 8390 masalah. Menurut Zakaria A. R., 2007, p. 116), karya ini merupakan karya dalam tulisan jawi yang terbesar dan terawal yang pernah wujud di Alam Melayu. Di samping itu, kitab ini berjaya memenuhi kekosongan karya asli dalam bidang ilmu hadith di rantau ini. Oleh yang demikian, kitab ini merupakan sumbangan terbesar al-Marbawi dalam bidang hadith di Malaysia (Ab Razak. M. S., 2022, p. 219). Karya ini mula dicetak secara berperingkat-peringkat bermula tahun 1933M dan menamatkan cetakan juzuk terakhir pada bulan Ramadan 1379H, bersamaan Mac 1960M oleh *Maktabah wa Maṭba‘ah al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh*. Oleh itu, karya ini mengambil masa selama 27 tahun untuk menyempurnakan percetakan dan penerbitannya (Ab Razak. M. S., 2022, p. 220).

Karya ini merupakan karya ringkasan sebagaimana judulnya iaitu *mukhtaṣar*, namun beliau tetap mengikuti susunan berdasarkan susunan bab dan hadith yang ditetapkan dalam *Jāmi‘ al-Tirmidhī*. Walau bagaimanapun, al-Marbawi tidak menjelaskan metodologi ringkasan yang beliau aplikasikan terhadap karya ini. Namun, para pengkaji mendapati *mukhtaṣar* yang dimaksudkan ialah merangkumi tiga aspek seperti tidak memasukkan kesemua hadith yang terdapat dalam kitab *Jāmi‘ al-Tirmidhī*, menggugurkan sanad melainkan perawi tertinggi dan menukulkan sebahagian maklumat yang dinyatakan dalam kitab *al-Jāmi‘* (Deraman. F., et al., 2010, p. 53).

Dari aspek syarah hadith pula, al-Marbawi mensyarahkan 2781 hadith secara mendalam yang merangkumi persoalan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, muamalat, sejarah dan sebagainya (Ahmad. K., et al., 2011, p. 4). Walau bagaimanapun, syarah hadith berdasarkan *hadith-fiqh* merupakan fokus utama dalam karya ini. Oleh yang demikian, karya ini mempunyai perbezaan yang sangat ketara berbanding karya-karya penulis lain disebabkan beliau mempersembahkan interaksi yang erat antara hadith dan fikah dalam perbahasan karya tersebut (Ab Razak. M. S., 2022, p. 221). Menurut Ahmad. K., et al., (2011, p. 4), karya ini memberikan nafas baru terhadap pemahaman *hadith-fiqh* secara mendalam, di samping mendidik masyarakat Malaysia tentang hubungan yang erat antara kedua-duanya. Lebih menarik lagi, al-Marbawi mempersembahkan huraian hadith mengikut acuan dan suasana masyarakat Malaysia (Ahmad Shah, F., 2013, p. 230-236). Hal ini secara tidak langsung menjadi faktor penarik untuk masyarakat lebih mendekati karya hadith ini (Ahmad. K., et al., 2011, p. 4).

Kedua: *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*

Kitab *Idangan Guru* merupakan sebuah karya terjemahan dan syarah hadith-hadith terpilih daripada kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim*. Karya ini dihasilkan dalam dua jilid yang nipis dan mengandungi 41 hadith. Jilid pertama memuatkan sembilan hadith dengan ketebalan 216 muka surat, manakala jilid kedua memuatkan 32 hadith dengan ketebalan 160 muka surat. Bilangan hadith ini tidak termasuk hadith-hadith *mu‘allaq* dan selainnya yang diletakkan oleh al-Bukhari dalam penamaan bab di dalam kitab *Ṣaḥīḥ*-nya. Karya ini berjaya disiapkan pada awal Rabiul Akhir 1358H (Ab Razak. M. S., 2022, p. 293-294).

Menurut Zakaria, A. R., (2007, p. 89), daripada 41 hadith yang dipilih, 19 hadith adalah hadith yang disepakati oleh al-Bukhārī dan Muslim, 15 hadith riwayat al-Bukhari dan tujuh hadith riwayat Muslim. Selain itu, al-Marbawi (1935, p. ۛ) menjelaskan kecenderungan beliau memilih hadith yang paling panjang sekiranya terdapat hadith lain yang berulang-ulang, sama ada dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* atau *Ṣaḥīḥ Muslim*, sedangkan intipati hadith tersebut telah dinyatakan pada hadith yang panjang. Oleh yang demikian, sekalipun hadith yang disyarahkan oleh al-Marbawi sedikit jumlahnya, namun pemilihan hadith tersebut mampu mengelakkan pengulangan hadith (Ab Razak. M. S., 2022, p. 295).

Dari aspek syarah hadith pula, al-Marbawi turut mensyarahkan hadith merangkumi persoalan akidah, fikah, tafsir, tasawuf, sejarah dan sebagainya. Manakala dari sudut pendekatannya pula, al-Marbawi menghuraikan hadith dengan mengaplikasikan kaedah soal jawab antara guru dengan murid. Justeru, setiap persoalan berkaitan hadith akan dikemukakan pertanyaan oleh murid dan dijawab oleh guru (Ab Razak. M. S., 2022, p. 295).

Ketiga: *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*

Karya ini merupakan karya kedua al-Marbawi yang mendapat sambutan selepas *Baḥr al-Mādhī* dan karya ini masih dicetak serta masih terdapat dipasaran. Karya ini berjaya disiapkan pada hari Ahad, 17 Syawal 1383H bersamaan awal bulan Mac 1964M (Al-Marbawi, 2013, p. 773) merupakan karya terjemahan dan syarah hadith kepada kitab *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām*, karangan Ibn Hajar al-‘Asqalānī yang merupakan sebuah karya hadith hukum. Karya ini mengandungi 1370 hadith yang disusun dalam 16 kitab yang dipecahkan kepada 97 bab berkaitan fikah dengan ketebalan 782 halaman. Bilangan hadith pula diletakkan berdasarkan bab yang ditetapkan. Karya ini dicetak dan diterbitkan pada awalnya oleh *al-Maṭba‘ah al-Marbawīyyah* dan *al-Maṭba‘ah al-Anwār al-Muḥammadiyyah* di Kaherah, Mesir (Zakaria, A. R., 2007, p. 109-110).

Sekalipun al-Marbawi hanya menamakan karya ini sebagai karya terjemahan dan bukan karya syarahan, namun hakikatnya ia merupakan sebuah karya terjemahan dan syarahan. Kenyataan ini dapat difahami berdasarkan kenyataan al-Marbawi (2013, p. ۛ) sebagaimana berikut:

“Maka ini *ta‘līqat* yakni kata-kataan yang mahu diterangkan, sekurang-kurang pasti atas kitab bernama *Bulūgh al-Marām min Adillah al-Aḥkām* karangan bagi *Shaykh al-Islām* lagi *Qāḍī al-Quḍāh*, Abī al-Faḍl al-Hāfīz, Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī *rahimahullāh ta‘ālā* dan reda ia atasnya.”

Kenyataan *ta‘līqat* menjelaskan secara jelas bahawa al-Marbawi bukan sekadar menterjemahkan, bahkan beliau mengemukakan ulasan ringkas terhadap hadith-hadith tertentu. Hal ini dapat dibuktikan apabila beliau membahagikan karya ini kepada dua bahagian; iaitu bahagian teks hadith bersama terjemahan yang diletakkan di bahagian utama halaman, manakala syarah hadith diletakkan di bahagian nota kaki (Ab Razak. M. S., 2022, p. 313). Selain itu, pada bahagian mukadimah karya ini, al-Marbawi (2013, p. ۛ) terlebih dahulu menghuraikan berkaitan pengenalan ilmu *uṣūl al-fiqh* dan beberapa *qawā‘id al-fiqhiyyah* yang

diaplikasikan oleh para *fuqahā'* beserta huraian ringkas. Pada akhir kitab pula, beliau memperkenalkan biografi pengarang asal kitab *Bulūgh al-Marām* dengan mengemukakan tajuk khusus iaitu '*Tarikh Bagi al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar, Pengarang Kitab Bulūgh al-Marām Ini*' (Al-Marbawi, 2013, p. 775-776).

Kerangka Syarahan Hadith

Kerangka syarahan hadith merupakan salah satu usaha yang dijalankan bagi menghasilkan syarahan hadith yang tepat dan selari dengan kehendak Rasulullah SAW. Menyedari hakikat inilah, ramai pengkaji hadith menulis berkaitan perbincangan ini antaranya ialah *al-Manhaj al-Ilmi li Dirāsah Manāhij Shurrāḥ al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh Ṭāriq bin 'Awdah al-'Awdah (1440H), '*Ilm Sharḥ al-Ḥadīth: Dirāsah Ta'ṣīliyyah Manhajiyyah* oleh Bassām bin Khalīl al-Ṣafadī (1437H), *Min Dawābiṭ Fahm al-Aḥādīth al-Nabawiyyah* oleh Muḥammad 'Abdul Qawī 'Aṭīyyah (2017), *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī* oleh al-Sharīf Ḥātim bin 'Ārif al-'Awnī (2021) dan banyak lagi.

Kerangka syarahan hadith ini digubal berdasarkan karya penulisan yang dihasilkan oleh para *muhaddithīn* dari generasi ke generasi. Justeru, perkembangan karya penulisan syarah hadith menjadi rujukan utama dalam penghasilan kerangka syarahan hadith. Menurut Ibn al-Athīr (2005, p. 1:26), individu pertama yang menulis karya syarah hadith ialah Abū 'Ubaydah Ma'mar bin al-Muthannā (w. 209H). Beliau telah menghimpunkan beberapa hadith dan mengemukakan syarah berkaitan *gharīb al-ḥadīth*. Setelah itu, datangnya Abū 'Ubayd al-Qāsim bin Salām yang membuat penambahan terhadap syarah tersebut. Di samping beliau membuat penambahan bilangan hadith yang lebih banyak dalam karya tersebut.

Setelah berlalunya zaman, munculnya pelbagai bentuk karya-karya syarah hadith yang dihasilkan oleh para ulama seperti berikut:

- i. Kitab *gharīb al-ḥadīth* seperti *Kitāb Gharīb al-Ḥadīth* oleh Abū 'Ubaydah, *Kitāb Gharīb al-Ḥadīth* oleh Ibn al-'Arabī, *Kitāb Gharīb al-Ḥadīth* oleh al-Athram dan lain-lain.
- ii. Kitab *ikhtilāf al-ḥadīth* seperti *Ikhtilāf al-Ḥadīth* oleh al-Shāfi'ī.
- iii. Kitab syarah terhadap karya hadith tertentu seperti *Tafsīr Gharīb al-Muwaṭṭa'* oleh 'Abdul Mālik al-Sulamī, *Tafsīr Gharīb al-Muwaṭṭa'* oleh al-Akhfash dan lain-lain.
- iv. Kitab periwayatan hadith yang mengandungi syarahan terhadap hadith yang diriwayatkan. Karya genre ini bukan sekadar mengumpulkan hadith, bahkan menetapkan judul bab yang menunjukkan maksud *istinbāṭ* terhadap hadith, sama ada hukum fikah atau penceritaan seperti *al-Muwaṭṭa'* oleh Mālik, *al-Jāmi'* oleh al-Tirmidhī, *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaimah* dan lain-lain.
- v. Kitab syarah terhadap karya hadith yang utama dan masyhur seperti *Ma'ālim al-Sunan* oleh al-Khaṭṭābī yang merupakan syarah kepada *Sunan Abī Dāwud* dan lain-lain.
- vi. Kitab *Mushkil al-Ḥadīth* seperti *Mushkil al-Ḥadīth wa Bayānuh* oleh Ibn Fūrak dan lain-lain (Al-'Awnī, 2021, p. 127-136).

Berdasarkan karya-karya syarah hadith yang dihasilkan oleh *muhaddithīn*, para pengkaji menemui pelbagai gaya dan pendekatan yang diaplikasikan dalam karya-karya hadith.

Walaupun demikian, terdapat beberapa kriteria dan langkah-langkah yang perlu dipenuhi ketika mensyarahkan hadith. Dari situlah, para pengkaji hadith mengemukakan kerangka syarah hadith yang perlu dipenuhi ketika mensyarahkan hadith bagi menghasilkan syarah hadith yang bermutu. Kerangka syarahan hadith adalah sebagaimana berikut:

Pertama: melakukan proses *takhrīj al-ḥadīth*.

Takhrīj al-ḥadīth merupakan salah satu cabang ilmu hadith yang melibatkan kajian menyeluruh terhadap hadith dan pelaksanaan secara praktikal terhadap *‘ulūm al-ḥadīth* secara menyeluruh (Deraman, F., 2001, p. 60). Perbahasannya melibatkan aspek sanad dan matan, serta *riwāyah* dan *dirāyah* yang merupakan perantara untuk membawa sesuatu hadith kepada sumber-sumber asli yang dikarang oleh para imam (Al-Ṭaḥḥān. M, 1978, p. 15). Ia merupakan kajian berdasarkan metodologi ilmiah yang benar dalam sesuatu kajian, pemikiran, perbincangan dan kritikan (Al-Malyabāri. A. H. & al-‘Ukāyilah S., 1998, p. 7).

Matlamat dan hasil kajian yang ingin dicapai melalui ilmu ini ialah menyandarkan sesuatu hadith kepada sumber asalnya dan menerangkan status hadith tersebut sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍa‘īf* (Al-Sakhāwī, 2003, p. 3:317. Al-Malyabāri. A. H. & al-‘Ukāyilah S., 1998, p. 15-25. Abū al-Layth, M., 2011, p. 15). Ilmu ini menjadi neraca untuk menguji keabsahan sesuatu hadith (al-Awnī, 2021, p. 167). Justeru, pelbagai jalur periwayatan hadith, *shawāhid*, *mutāba‘ah* dan hadith sokongan perlu dihimpunkan. Di samping mengenal pasti kecacatan yang terdapat pada sesuatu hadith (Abū Zayd. B. A., 1413H, p. 70-71). ‘Alī bin al-Madīnī menegaskan bahawa apabila sesuatu hadith tidak dihimpunkan jalur-jalur periwayatannya, maka tidak akan kelihatan kesalahannya (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1983, p. 2:212).

Kedua: mentafsirkan lafaz-lafaz ganjil yang terdapat dalam hadith.

Hal ini penting kerana tidak mungkin seseorang dapat memahami hadith, sedangkan masih terdapat lafaz-lafaz yang tidak difahami maknanya. Bahkan tidak mungkin seseorang dapat memahami secara mendalam, sekiranya seseorang tidak memahami petunjuk bahasa secara mendalam (al-Awnī, 2021, p. 182). Dek kerana itu, Ibn al-Athīr (1979, p. 1:3) membahagikan syarah hadith kepada dua bahagian iaitu pengetahuan berkaitan lafaz hadith dan pengetahuan berkaitan makna hadith. Tidak syak lagi bahawa pengetahuan berkaitan lafaz hadith didahulukan kerana ia merupakan tujuan asal percakapan dan menjadi punca terhasilnya kefahaman terhadap makna hadith. Oleh sebab itu, syarahan terhadap lafaz hadith lebih diutamakan.

Bagi mencapai matlamat ini, seseorang perlu merujuk kepada karya-karya syarah hadith dari sudut lafaz hadith. Karya *gharīb al-ḥadīth* merupakan rujukan paling utama dan paling penting dalam mensyarahkan lafaz-lafaz yang terdapat dalam hadith (al-Awnī, 2021, p. 182). Antara karya berkaitannya ialah *al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth* oleh Ibn al-Athīr. Selain itu, seseorang juga perlu merujuk karya-karya *gharīb al-Qur‘ān* seperti *al-Mufradāt fī Gharīb al-Qur‘ān* oleh al-Rāghīb al-Aṣbahānī dan merujuk kepada kamus-kamus bahasa Arab seperti *Tahdhīb al-Lughah* oleh al-Azhārī, *Maqāyīs al-Lughah* oleh Ibn Fāris dan lain-lain.

Ketiga: mengemukakan kefahaman makna hadith secara ringkas.

Menurut al-Awnī (2021, p. 185), setelah seseorang memahami lafaz hadith, seseorang berpotensi untuk memahami makna-makna ayat yang tersusun dengan cara memerhatikan lafaz-lafaz, susunan-susunan dan petunjuk dari sudut bahasa serta konteks sesuatu ayat demi ayat. Hal ini dapat dicapai dengan merujuk kepada karya-karya syarah hadith. Beliau turut menekankan bahawa kefahaman ringkas ini mestilah menggunakan bahasa dan uslub yang paling mudah dan jelas demi menyampaikan manfaat semaksimum mungkin kepada para pendengar.

Keempat: memastikan zahir hadith selari dengan kehendak Nabi Muhammad SAW.

Hal ini penting kerana sesuatu hukum dinilai berdasarkan maknanya bukan lafaznya. Ketetapan ini bercanggah dengan pandangan *Ahli al-Zāhir*. (Ibn al-Battāl, 2003, p. 3:419). Hal ini berdasarkan tindakan isteri-isteri Nabi SAW yang mengukur tangan masing-masing untuk mengetahui siapakah yang mempunyai tangan yang paling panjang kerana ia merupakan indikasi yang menunjukkan isteri Baginda yang paling awal wafat setelah kewafatan Baginda. Pada ketika itu, mereka memahami panjang tangan secara literal iaitu memiliki anggota tangan yang panjang, sebaliknya ia bermaksud seseorang yang banyak sedekah. Justeru, Zaynab merupakan isteri yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW (Al-Bukhārī, 1987, p. 2:515).

Berdasarkan situasi ini, Ibn al-Qayyim (1991, p. 1:167) berpandangan bahawa sesiapa yang mengetahui maksud yang dikehendaki oleh orang yang bercakap berdasarkan mana-mana dalil, maka dia wajib mengikuti maksud yang dikehendakinya, sedangkan lafaz-lafaz itu tidak bertujuan untuk menjelaskan hakikatnya. Bahkan Abū Ishāq al-Isfīrāyaynī menukulkan bahawa para ulama al-Shāfi‘iyyah bersepakat bahawa wajib mengkaji berkaitan maksud yang khusus (*al-mukhaṣṣis*) sebelum beramal dengan maksud hadith yang umum (*al-‘umūm*) (Al-Zarkashī, 2000, p. 2:207). Oleh yang demikian, perbincangan ini perlu melibatkan perbincangan berkaitan percanggahan antara hadith, kaedah dan usul syarak, sebab pertuturan sesebuah hadith dan keputusan hukum beserta sebab hukum (al-Awnī, 2021, p. 192-215).

Kelima: menghimpunkan dalil-dalil yang berkaitan dengan sesuatu tajuk.

Dalil-dalil ini merangkumi dalil al-Quran dan hadith untuk menguatkan atau membantah. Di samping itu, ucapan *salaf* dan para *fuqahā*’ dijadikan sebagai sokongan. Hal ini ditegaskan oleh Ahmad bin Hanbal yang menyatakan bahawa apabila seseorang tidak menghimpunkan pelbagai jalur periwayatan hadith, maka seseorang tidak akan dapat memahami hadith. Hal ini demikian kerana sebahagian hadith mentafsirkan sebahagian hadith yang lain (Al-Khaṭīb al-Baghdādī, 1983, p. 2:212). Bahkan menurut al-‘Awnī (2021, p. 216), pendekatan ini penting kerana setiap nas tidak terlepas daripada ditafsirkan oleh nas yang lain dan sebahagiannya berfungsi untuk menjelaskan sebahagian nas ringkas (*mujmal*) yang lain. Justeru, kerangka ini berkait *takḥṣīs al-‘umūmāt*, *taqyīd al-muṭlaqāt* dan sebagainya. Oleh yang demikian, dalil-dalil tersebut saling memerlukan dalam menyokong antara satu sama lain.

METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini mengaplikasikan kaedah kajian kepustakaan melalui reka bentuk analisis kandungan dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan pendekatan al-Marbawi dalam syarahan hadith. Pengkaji mengumpulkan pelbagai pendekatan yang diaplikasikan oleh al-Marbawi berdasarkan tiga karya hadith beliau iaitu *Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*, *Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim* dan *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*. Kemudian, data-data yang diperolehi daripada pelbagai sumber primer dan sekunder tersebut dianalisis berdasarkan kaedah induktif dan deduktif agar dapat menghasilkan satu analisis kesimpulan secara menyeluruh terhadap isu ketokohan al-Marbawi dalam penulisan karya syarahan hadith.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan tiga karya syarahan hadith yang dihasilkan oleh al-Marbawi, pengkaji mengkaji dan menganalisis dari sudut syarahan hadith berdasarkan lima kerangka syarahan hadith yang telah dikemukakan. Oleh yang demikian, hasil kajian yang diperolehi adalah sebagaimana berikut:

Pendekatan Pertama: Mengemukakan *Takhrīj al-Ḥadīth* Dalam Syarah Hadith

Pengkaji mendapati al-Marbawi mengemukakan perbincangan *takhrīj al-ḥadīth* dalam dua keadaan. Pertama, mengemukakan status hadith yang paling ringkas tanpa menyatakan sebab. Kedua, mengemukakan status hadith beserta sebabnya.

Antara contoh pertama ialah hadith berkaitan penggunaan sapu tangan selepas berwuduk untuk mengelap kesan air wuduk. Beliau hanya menyatakan hadith tersebut adalah *gharīb* lagi *ḍa'īf* (Al-Marbawi, 1933, p. 1:78). Di sini, al-Marbawi hanya menyatakan hukum hadith tersebut sahaja tanpa menyatakan sebabnya. Walhal kitab *al-Jāmi'* (Al-Tirmidhī, 2010, p. 1:90) yang merupakan rujukan asal *Baḥr al-Mādhī* menjelaskan sebab hadith tersebut dinilai *ḍa'īf* iaitu Rushdayn bin Sa'd dan 'Abd al-Raḥmān bin Ziyād bin An'am al-Ifriqī dinilai *ḍa'īf* dalam hadith.

Keadaan kedua pula, al-Marbawi mengemukakan sebab sesuatu hadith dinilai *ḍa'īf*. Antara contohnya berkaitan solat hajat. Al-Marbawi (1933, p. 3:177-178) menyatakan bahawa hadith tersebut *ḥasan* lagi *gharīb* disebabkan terdapat kritikan terhadap Fāidah bin 'Abd al-Raḥmān. Pendekatan ini turut diaplikasikan dalam *Bulūgh al-Marām* seperti dalam permasalahan sesuatu tidak dapat menjadikan air itu bertukar menjadi najis melainkan disebabkan perubahan bau, rasa dan warnanya. Al-Marbawi (2013, p. 6) menukulkan pandangan Abū Ḥātim yang menilai hadith ini *ḍa'īf* sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Ḥajar. Namun al-Marbawi menjelaskan sebab ke-*ḍa'īf*-an tersebut disebabkan Rushdayn bin Sa'd yang dinilai sebagai *matrūk*.

Di dalam karya hadith al-Marbawi, beliau bukan sekadar menukulkan *takhrīj al-ḥadīth* sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Tirmidhī dalam *al-Jāmi'* dan Ibn Ḥajar dalam *Bulūgh al-Marām* sahaja, bahkan beliau turut mengemukakan pandangan beliau sendiri seperti menguatkan salah satu pandangan yang berbeza dan tidak disepakati dalam menilai

sesuatu hadith (Al-Marbawi, 2013, p. 569-570), mengemukakan *takhrīj al-hadith* yang lebih jelas terhadap *takhrīj al-hadith* yang tidak dinyatakan secara jelas oleh pengarang asal (Al-Marbawi, 2013, p. 271-272), mengemukakan penilaian semula terhadap *takhrīj al-hadith* yang dikemukakan oleh pengarang asal (Al-Marbawi, 1933, p. 8:61-62) dan lain-lain.

Pendekatan Kedua: Mengemukakan Syarahan Terhadap Lafaz-Lafaz Ganjil (*Gharīb*)

Pengkaji mendapati pendekatan ini banyak dikemukakan oleh al-Marbawi terutamanya di dalam *Baḥr al-Mādhī* disebabkan al-Tirmidhi sering mengemukakannya dalam *al-Jāmi* '. Namun, al-Marbawi mengemukakan syarahan berdasarkan *gharīb al-ḥadīth* dalam dua pendekatan: Pertama, al-Marbawi menterjemahkan secara langsung dalam terjemahan hadith dengan tidak menyatakan dengan jelas perkataan *gharīb al-hadith*. Pendekatan kedua pula, al-Marbawi menyatakan dengan jelas maksud perkataan yang sukar difahami ketika mensyarahkan hadith.

Antara contoh pendekatan pertama al-Marbawi adalah berkaitan hadith seorang lelaki yang mahu menyedekahkan hartanya untuk ibunya yang telah meninggal dunia. Dalam *Baḥr al-Mādhī*, al-Marbawi (1933, p. 4:212-213) tidak mengisyaratkan *gharīb al-ḥadīth* dalam terjemahan atau syarahannya, sebaliknya terus menyebutkan maksud perkataan *gharīb al-ḥadīth* tersebut dalam terjemahan hadith iaitu 'satu kebun yang boleh dipetik buah-buahan di dalamnya'. Sedangkan al-Tirmidhi (2010, p. 3:36) dalam *al-Jāmi* ' menjelaskan *gharīb al-ḥadīth* dalam hadith tersebut iaitu *إِنَّ لِي مَخْرَفًا* yang bermaksud kebun. Pengkaji berpandangan bahawa hal ini hanya disedari apabila seseorang membuat perbandingan antara *Baḥr al-Mādhī* dengan *al-Jāmi* '.

Manakala contoh kedua pula adalah berkaitan seseorang yang menghidupkan tanah yang mati. Dalam hadith tersebut terdapat perkara ganjil yang sukar difahami iaitu *وَلَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ*. Ketika menterjemahkan hadith ini, al-Marbawi (2010, p. 10:94) hanya menyatakan: "dan tiada bagi penanam yang zalim itu hak." Namun ketika beliau mensyarahkan hadith tersebut, beliau menyatakan sebagaimana berikut:

“[وَلَيْسَ لِعِرْقٍ ظَالِمٍ حَقٌّ] dan tiada bagi tanaman zalim itu padanya hak kekal di dalamnya yakni apabila seorang bertanam apa-apa di dalam bumi yang ada dimiliki oleh orang maka apa-apa tanamnya itu kena bungkar buang, tiada hak baginya mengekalkan tanamannya di dalam bumi milik orang itu,” (2010, p. 10:94)

Berdasarkan contoh di atas, al-Marbawi terlebih dahulu mengemukakan matan hadith, kemudian menterjemahkannya dan mensyarahkannya secara ringkas. Pendekatan ini secara tidak langsung telah menghuraikan perkataan yang dikategorikan sebagai *gharīb al-ḥadīth* iaitu *irqi zālim* sebagai seseorang yang menanam sesuatu tumbuhan dalam tanah bukan miliknya.

Di samping itu, al-Marbawi turut memberi penekanan terhadap istilah yang terdapat dalam matan hadith yang kemungkinan bukan termasuk dalam perbincangan *gharīb al-ḥadīth*, tetapi ia merupakan satu istilah asing bagi masyarakat setempat. Justeru, beliau membantu para pembaca memahami maksud yang disampaikan daripada hadith. Antara contoh dalam aspek ini ialah berkaitan istilah *tahrīm* dan *tahlīl* bagi solat sebagaimana berikut:

“Diriwayatkan daripada Baginda ‘Alī *karramallāhu wajhah* daripada Nabi *ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam* sabdanya bermula anak kunci sembahyang itu suci. Dan *tahrīm*nya yakni yang menjadikan haram akan yang halal dahulu daripada sembahyang itu ialah *takbīratul iḥrām*. Dan *tahlīl*nya yakni yang menjadikan halal akan barang yang diharamkan dalam sembahyang itu ialah salam pertama.” (Al-Marbawi, 1935, p. 1:22).

Berdasarkan contoh di atas, al-Marbawi mengekalkan istilah yang digunakan dalam hadith ketika menterjemahkan hadith tersebut, lalu beliau menghuraikan maksud istilah tersebut. Dalam hadith tersebut, terdapat dua istilah yang digunakan iaitu *tahrīm* dan *tahlīl*. Oleh yang demikian, al-Marbawi menjelaskan bahawa maksud *tahrīm* ialah segala perbuatan yang dihalalkan untuk dilakukan sebelum seseorang mengangkat *takbīratul iḥrām* menjadi haram disebabkan perbuatan tersebut. Manakala maksud *tahlīl* ialah segala perbuatan yang diharamkan untuk dilakukan ketika seseorang menunaikan solat menjadi halal apabila seseorang mengucapkan salam yang pertama. Pendekatan al-Marbawi yang mengekalkan istilah sebagaimana yang digunakan dalam hadith dan menghuraikan maksud istilah tersebut mampu mengingatkan para pembaca terhadap istilah asal dan memudahkan para pembaca memahami istilah tersebut dengan lebih tepat.

Pendekatan Ketiga: Mengemukakan Kefahaman Makna Hadith Secara Ringkas

Pengkaji mendapati al-Marbawi memberi penekanan terhadap syarahan hadith secara ringkas agar para pembaca dapat memahami hadith tersebut dengan lebih mudah dan mendapat kefahaman yang lebih tepat. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati al-Marbawi mengemukakan kefahaman makna hadith secara ringkas melalui dua pendekatan sebagaimana berikut:

Pendekatan pertama: mengemukakan kefahaman makna hadith berdasarkan kefahaman al-Marbawi. Melalui pendekatan ini, beliau mengemukakan syarahan hadith secara langsung tanpa menyandarkan syarahan tersebut kepada mana-mana *muḥaddithīn*. Syarahan begini lebih memudahkan para pembaca untuk memahami hadith secara langsung. Pada kebiasaannya, pengkaji mendapati pendekatan ini diaplikasikan dalam menghuraikan hadith-hadith yang memerlukan syarahan yang kurang rumit. Antara contoh yang pendekatan ini adalah berkaitan hadith niat sebagaimana berikut:

“[وإنما لكل امرئ ما نوى] dan hanyasanya bagi tiap-tiap seorang laki-laki ada ia atau perempuan barang yang diniatnya yakni jikalau niatnya baik nescaya

Allah taala balas dengan baik dan jikalau tiada baik nescaya Allah taala balas dengan tiada baik pula.” (Al-Marbawi, 1933, p. 1:10).

Berdasarkan contoh di atas, al-Marbawi menterjemahkan lafaz hadith tersebut dengan menyatakan bahawa seseorang lelaki atau perempuan dibalas berdasarkan niat di dalam hatinya. Setelah itu, al-Marbawi menghuraikan maksud tersebut bahawa sesiapa yang mempunyai niat yang baik di dalam hatinya, maka Allah SWT akan memberi balasan dengan balasan yang baik. Sebaliknya, sekiranya seseorang mempunyai niat yang tidak baik iaitu jahat, maka Allah SWT akan memberi balasan dengan balasan yang tidak baik juga.

Pendekatan kedua: mengemukakan syarah hadith berdasarkan kitab syarah hadith lain. Syarah yang dikemukakan ini juga dikemukakan secara ringkas, namun syarahnya berdasarkan kitab syarah hadith lain yang ditulis oleh *muḥaddithīn*. Antara contohnya berkaitan hadith niat sebagaimana berkaitan:

“[عن عمر بن الخطاب يقول سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: إنما الأعمال بالنيات] Diriwayatkan daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb *raḍiyallāhu ‘anhu* berkata ia telah aku dengar kalam Rasulullah *ṣallallāhu ‘alayhi wa sallam* sabdanya hanyasanya segala amal itu dengan niat. (Kata Imam Nawawī) di dalam *Sharḥ Muslim* - Bermula maknanya begini: Bahawasanya amal itu dikira dan dipakai apabila ada ia dengan niat, dan tiada dikira apabila tiada dengan niat.” (Al-Marbawi, 1933, p. 1:8).

Berdasarkan contoh di atas, setelah al-Marbawi menterjemahkan lafaz hadith tersebut, beliau pun mensyarahkan hadith tersebut dengan menukikan syarah yang dikemukakan oleh al-Nawawi daripada kitab *Sharḥ Muslim*. Melalui syarah tersebut, al-Marbawi bukan sekadar memberi penjelasan terhadap hadith, bahkan menyandarkan penjelasan tersebut kepada karya seorang *muḥaddith* yang menjadi rujukan umat Islam. Hal ini menambahkan lagi keyakinan pembaca dalam memahami maksud sebenar hadith.

Pendekatan Keempat: Memastikan zahir hadith selari dengan kehendak Nabi Muhammad SAW

Seterusnya pengkaji mendapati al-Marbawi memberi penekanan ketika mensyarahkan hadith berkaitan maksud yang dikehendaki oleh Nabi Muhammad SAW terhadap sesuatu hadith yang disampaikan. Untuk mencapai matlamat ini, seseorang mesti merujuk kepada cabang-cabang ilmu hadith yang lain seperti *asbāb wurūd al-ḥadīth*, *mukhtalif al-ḥadīth*, *mushkil al-ḥadīth* dan lain-lain.

Berhubung ilmu *asbāb wurūd al-ḥadīth*, ia merupakan satu cabang ilmu hadith yang membincangkan tentang faktor-faktor yang mendorong Rasulullah SAW menyebut sesuatu hadith pada peringkat awalnya. Kadang-kadang ia berlaku dalam bentuk soalan, peristiwa atau kisah (Ibn Hamzah. S. I. S. M., 1329H, p. 3). Syarah hadith dari sudut ini mampu meluaskan pengetahuan dan membantu para pembaca dalam memahami konteks hadith tersebut (Ab Razak. M. S., 2022, p. 263-264). Oleh yang demikian, al-Marbawi mengemukakan *asbāb wurūd al-ḥadīth* terhadap hadith berkaitan ketika beliau mensyarahkan hadith. Antara

contohnya ialah ucapan Baginda tentang dua sifat yang disukai oleh Allah iaitu lemah lembut dan berhati-hati. Berhubung ucapan ini, al-Marbawi mengemukakan *asbāb wurūd al-ḥadīth* tentang kisah seorang lelaki yang digelar sebagai al-Ashaj atau al-Mundhir bin ‘Aidh yang bersikap lemah lembut dan hemat apabila jumpa dengan Nabi SAW (Al-Marbawi, 1933, p. 14:11-12).

Demikian juga ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*, ia merupakan salah satu cabang ilmu hadith berkaitan hadith *maqbūl* yang bercanggah dengan hadith yang seumpamanya dengan percanggahan secara zahir sahaja (Ab Razak. M. S., 2022, p. 54). Antara contoh aplikasi yang dikemukakan oleh al-Marbawi adalah berkaitan seseorang sedang mengerjakan ihram dan tidak mempunyai kasut untuk dipakai, maka seseorang itu dibenarkan memakai *khuf*. Walau bagaimanapun terdapat percanggahan dalam hadith berkaitan sifat *khuf* tersebut. Hadith pertama daripada Ibn ‘Umar menjelaskan bahawa seseorang dibenarkan memakai *khuf* yang dipotong sebelah bawah buku lalinya (Al-Marbawi, 1933, p. 6:71-72). Manakala hadith kedua daripada Ibn ‘Abbās pula membenarkan memakai *khuf* secara mutlak tanpa disyaratkan *khuf* tersebut dipotong (Al-Marbawi, 1933, p. 6:75). Bagi menyelesaikan percanggahan tersebut, al-Marbawi menyatakan bahawa hadith Ibn ‘Abbās bersifat *muṭlaq*, manakala hadith Ibn ‘Umar bersifat *muqayyad*. Oleh yang demikian, apabila didapati percanggahan antara hadith *muqayyad* dan hadith *muṭlaq*, hadith yang *muṭlaq* perlu difahami dengan *muqayyad* (Al-Marbawi, 1933, p. 6:76). Demikianlah penyelesaian berdasarkan ilmu *mukhtalif al-ḥadīth*. Demikian juga permasalahan berkaitan memuji di hadapan orang (Al-Marbawi, 1935, p. 1:89) dan perkara yang menjadi rukun Islam (Al-Marbawi, 1935, p. 2:71-73).

Seterusnya bagi ilmu *mushkil al-ḥadīth*, ia merupakan salah satu ilmu hadith berkaitan hadith-hadith yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW dengan sanad-sanad yang diterima dan disampaikan dengan cara yang baik, namun dalam hadith tersebut terdapat perkara yang tidak mampu diketahui dan ramai manusia yang tidak mempunyai ilmu tentangnya (Al-Taḥāwī, 1994, p. 1:6. Al-Bayānūnī. F. M., 2012, p. 2012, 26-30). Oleh yang demikian, syarah hadith berdasarkan ilmu ini mampu menghilangkan kekeliruan dan memurnikan kefahaman seseorang terhadap hadith yang dibacanya (Ab Razak. M. S., 2022, p. 261-261). Antara contohnya berkaitan kekeliruan dalam memahami maksud hadith ‘dua tanduk syaitan.’ Bagi menghilangkan kekeliruan ini, al-Marbawi mengemukakan pandangan sebahagian *muhaddithīn* bahawa ‘dua tanduk syaitan’ tersebut ialah dua tanduk dengan sebenar-benarnya. Hal ini demikian disebabkan mereka melewati solat asar dengan memerhatikan keadaan matahari yang berada pada waktu terbenam dan terbitnya. Sedangkan dua waktu tersebut merupakan waktu orang kafir sujud sujud kepada matahari (Al-Marbawi, 1933, p. 2:22-23).

Pendekatan Kelima: Menghimpunkan Dalil-Dalil Berkaitan Berdasarkan Topik Hadith

Pendekatan yang turut diaplikasikan oleh al-Marbawi ketika mensyarahkan hadith ialah mengemukakan hadith-hadith sokongan bagi menyokong hadith utama. Pengkaji mendapati al-Marbawi sering mengemukakan hadith sokongan bagi tujuan penjelasan terhadap hadith utama. Antara contohnya berkaitan hadith beriman kepada keseluruhan takdir sama ada baik dan buruk. Lalu al-Marbawi mengemukakan hadith sokongan sebagaimana berikut:

“Guru - Dengar ya anakku, aku terangkan barang yang tersebut di dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* pada *Bab Amara Allāhu Qadra Maqdūra* dan dalam *Ṣaḥīḥ Muslim bi Sharḥ al-Nawawī* pada *Kitāb al-Qadr*. Begini bunyinya: Riwayat daripada Saydina ‘Ali bin Abi Talib karramallahu wajhah. Katanya adalah kami bersama-sama dengan beberapa Sahabat Rasulullah menghantar satu jenazah ke tempat perkuburan yang besar di Madinah al-Munawwarah yang bernama *Baqi‘ al-Gharqad*. Lalu datang kepada kami Rasulullah *sallallahu ‘alayhi wa sallam*. Maka duduk ia, dan kami semua pun duduk disekelilingnya. Kedudukan Rasulullah itu menundukkan kepada, di tangannya kayu kecil sebagai jadi tunggul kepadanya di dalam ia tunduk itu menggaris ia akan bumi dengan kayu yang ditangan tadi kesan kemari sebagai rupa orang berfikir dan berdukacita. Kemudian ia pun lalu mengangkatkan ulunya, lalu bersabda ‘alayhi al-salah wa al-salam (ما منكم من أحد ما من نفس منقوسة إلا وقد كتب الله مكانها من الجنة والنار وإلا وقد كتبت شقية أو سعيدة) ertinya tiada ada seorang daripada kamu tiada daripada seorang yang dijadikan melainkan sesungguhnya sudah ditakdirkan dan sudah dianggarkan pada azali oleh Allah taala akan tempatnya di dalam syurga atau dalam neraka. Dan melainkan sudah tertulis pada azali celaka atau bertuah.” (Al-Marbawi, 1935, p. 1:32-33).

Berdasarkan contoh di atas, al-Marbawi mengemukakan hadith sokongan bagi menguatkan lagi perbincangan berkaitan *qadar* yang terdapat dalam hadith utama.

KESIMPULAN

Metodologi syarah hadith yang dikemukakan oleh al-Marbawi melalui tiga karya hadith ini merupakan salah satu contoh karya hadith yang memenuhi kerangka syarahan hadith. Sekalipun terdapat perbezaan pendekatan syarah hadith yang diaplikasikan dalam ketiga-tiga karya tersebut, namun al-Marbawi tetap mengikuti kerangka syarahan hadith. Berdasarkan karya *Baḥr al-Mādhī* dan *Idangan Guru*, al-Marbawi mensyarahkan hadith-hadith secara terperinci dan mengemukakan perbincangan yang panjang lebar. Hal ini berbeza dengan karya *Bulūgh al-Marām* yang hanya ulasan ringkas pada bahagian nota kaki. Kepelbagaian ini boleh dijadikan sebagai contoh kepada para penulis yang mahu mensyarahkan hadith; sama ada secara terperinci atau pun secara ringkas.

Selain itu, ketokohan al-Marbawi dalam penulisan karya syarahan hadith perlu dicontohi. Beliau sangat memberi perhatian terhadap proses *takhrij al-ḥadīth* yang merupakan penentu kedudukan dan nilai sesuatu hadith. Setelah proses tersebut, beliau mentafsirkan dan mensyarahkan lafaz-lafaz yang ganjil agar para pembaca dapat memahami ungkapan yang di dalam hadith. Langkah seterusnya, beliau mengemukakan kefahaman hadith secara ringkas bagi memudahkan para pembaca mendapat gambaran umum berkaitan hadith yang disyarahkan. Tambahan itu, beliau memastikan maksud hadith yang disyarahkan selari dengan kehendak dan maksud yang ingin disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW. Akhirnya, beliau menghimpunkan dalil-dalil sokongan yang lain termasuklah al-Quran, hadith, pandangan ulama yang berkaitan dengan perbincangan dan topik hadith yang beliau syarahkan.

Menyedari ketokohan dan kesungguhan al-Marbawi dalam menghasilkan karya syarah hadith ini, sewajarnya ia menjadi suntikan semangat dan cita-cita agar ramai penulis-penulis daripada kalangan ilmuan Islam, terutamanya ilmuan hadith yang menghasilkan karya syarahan hadith. Tambahan pula, karya-karya yang mensyarahkan karya utama berkaitan hadith begitu ketandusan di Malaysia. Oleh yang demikian, semua pihak perlu berganding bahu bagi merealisasikan cita-cita agar karya seumpama *Baḥr al-Madhī* ini dapat diterbitkan dan menyuburkan penulisan karya syarahan hadith di Malaysia.

RUJUKAN

- Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R. (2021). *Ketokohan Al-Marbawi: Analisis Perkembangan Pengajian Ilmu Hadis*. *Abqari Journal*, 25(1), 170–188.
<https://doi.org/10.33102/abqari.vol24no2.388>
- Ab Razak, M. S. & Shamsudin, R. (2023) *Tertib Manhaj Penyelesaian Mukhtalif al-Ḥadīth Menurut al-Marbawi dalam Baḥr Al-Mādhī*. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam; International Journal of Islamic Studies*, 45 (1). pp. 275-292.
<https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4501-23>
- Ab Razak, M. S. (2022). *Manhaj Mukhtalif al-Ḥadīth Oleh al-Marbawi Dalam Baḥr al-Mādhī li Sharḥ al-Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Tesis kedoktoran, Malaysia: Universiti Sains Malaysia (USM).
- Abdul Majid, L. (2019). *The Hadiths as a Tool For Religious, Political & Social Teaching in the Malay Peninsula*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah, M. (2009). *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Bentong: Book Pro Publishing Service.
- Abū al-Layth. M. (2011), *Takhrīj al-Ḥadīth: Nash'atuhu wa Manhajīyyatuh*. Selangor: Darul Syakir.
- Abū Shāmah, A. R. I. (1999). *Sharḥ al-Ḥadīth al-Muqtafī fī Mab'ath al-Nabī al-Muṣṭafā*. Ed. Jamāl 'Azūn. Emirate: Maktabah al-'Umaryan al-'Ilmiyyah.
- Abū Zayd. B. A. (1413H). *Al-Ta'sīl li Uṣūl al-al-Takhrīj wa Qawā'id al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Riyāḍ: Dar al-'Āshimah.
- Ahmad Shah, F. (2013). *Biografi Ulama Malaysia Mohamed Idris al-Marbawi Penulis Karya Agung Bahr Al-Madhi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Shah, F. (2007). "Metodologi penulisan Mohamed Idris al-Marbawi dalam Bahr al-Madhi." Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad, K., Ariffin, S. & Abdul Razak, M. M., (2011). "*Kejuhudan Sheikh Idris al-Marbawi*

Dalam Usaha Menghasilkan Tafsir Quran al-Marbawi. ” Makalah, Proceedings of The International Qur'anic Conference, Universiti Malaya, 11-12 Januari 2011.

- Al-Awnī, S. H. A. (2021). *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī: Dirāsah fī al-Tārīkh li al-‘Ilmi wa al-Ta’šīl lahu wa Taqwīm al-Muṣannafāt fīhi wa al-Tadrīb ‘Alayh*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt.
- Al-Bayānūnī. F. M. (2012). *Mushkil al-Ḥadīth: Dirāsah Ta’šīliyyah Mu‘āširah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Bukhari, M. I. (1987). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. Muṣṭafā al-Bughā. Beirut: Dar Ibn Kathīr.
- Al-Fayrūz Ābādī, M. Y. (2005), *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*, ed. Muḥammad Na‘īm al-‘Arqasūsī, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī, A. A. T. (1983). *Al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Ādāb al-Sāmi‘*. Ed. Maḥmūd al-Ṭaḥḥān. Riyāḍ: Maktabah al-Ma‘ārif.
- Al-Malyabāri. A. H. & al-‘Ukāyilah S. (1998). *Kayfa Nadrusu ‘Ilm Takhrij al-Hadith*. Amman: Dar al-Rāzī.
- Al-Marbawī. M. I. A. R. (2013). *Bulūgh al-Marām Serta Terjemahan Melayu*, Kaherah: Dar Ibn Kathir.
- Al-Marbawī. M. I. A. R. (1933). *Baḥr al-Mādhī Sharḥ Mukhtasar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Al-Marbawī. M. I. A. R. (1935). *Kitab Idangan Guru Ṣaḥīḥ al-Bukhārī wa Muslim*. Kaherah: Matba‘ah al-Marbawīyyah.
- Al-Marbawī. M. I. A. R. (1990). *Kamus Idris al-Marbawī Arabi-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Al-Rāmahurmuzī, H. A. R. (1404). *Al-Muḥaddith al-Fāṣil Bayna al-Rāwī wa al-Wā‘i*. Ed. Muḥammad ‘Ajjāj al-Khaṭīb. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Sakhāwī, M. A. R. (2003), *Fath al-Mughīth bi Sharḥ Alfīyah al-Ḥadīth*, ed. ‘Alī Ḥasan ‘Alī. Mesir: Maktabah al-Sunnah.
- Al-Tahawī. A. M. S. (1994), *Sharḥ Mushkil al-Āthār*, ed. Shu‘ayb al-Arnāūṭ. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Ṭaḥḥān. M. (1978). *Uṣūl al-Takhrij wa Dirāsah al-Asānīd*. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tirmidhī. M. I. S. (2010). *Sunan al-Tirmidhī*. ed. Aḥmad Shākir & Muṣṭafā al-Dhahabī. Kaherah: Dar al-Hadīth.

- Al-Zarkashī. M. A. (2000). *Al-Baḥr al-Muḥīṭ fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Che Daud, I., (2001). *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Tanah Melayu*, Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Deraman, F. (2001). *Ilmu Takhrij Al-Hadith: Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya*. *Jurnal Usuluddin*, 14, 55–64. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4024>
- Deraman, F., Suliaman, I. & Ahmad Shah, F., (2010). *Pengajian Hadith Di Malaysia: Tokoh - Karya - Institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Haris, A. H. (2019). *Pengaruh Mesir Terhadap Masyarakat Melayu 1906-1970: Daripada al-Imam Sehingga Kebangkitan Semula Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hoque, M., Abdul Rab, M, Sahid, M. M, Mohamed. Y. (2018). Maḥaṭṭāt fī Ḥayāt al-Muḥaddith al-Mālīzī al-Shaykh Muḥammad Idrīs al-Marbawī wa Āthāruhu al-‘Ilmiyyah, *Journal of Hadith Studies*, (Volume 3, No. 1, Jun 2018. pp. 85-97. <http://ddms.usim.edu.my:80/jspui/handle/123456789/16309>
- Hussin. H., Abdul Majid. L., Mohd. N. S., Wan Abdullah, W. N., & Mohamad. S., (2016). “*Pemikiran Tafsir Sheikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam Manuskrip Al-Quran Bergantung Makna Melayu*,” *Journal Al-Turath ; Journal of Al-Quran and Al-Sunnah*, 1 (1). pp. 24-34. ISSN 0128-0899. <https://journalarticle.ukm.my/13540/>
- Ibn al-Athir. M. M. (1979). *Al-Nihāyah fī Gharīb al-Ḥadīth wa al-Āthār*, ed. Ṭāhir Aḥmad al-Zawī dan Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim. M. A. B. (1991). *I’lām al-Muqī’in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Mat Ludin, I. (1991). “*Sheikh Idris al-Marbawi dan Sumbangannya*”. Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mona Abaza. (1993). *Changing Images of Three Generations of Azharites in Indonesia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Monika @ Munirah Abd Razzak, et al.. (2011). “*Sumbangan Syeikh Idris al-Marbawi Dalam Memartabatkan al-Quran dan al-Sunnah: Tumpuan Kitab Tafsir Surah Yasin*.” Seminar Serantau Pengajian Usuluddin Di Institusi Pengajian Tinggi Abad 21: Cabaran Dan Prospek. Brunei: Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Muhamad Shukri, A. S. (2003). “*Al-Sheikh Dr. Muhammad Idris al-Marbawi’s Contribution to Islamic Studies In The Malay World*,” dalam *Monograph On Selected Malay Intellectuals*, ed. Mohamad @ Md. Som Sujimon. Kuala Lumpur: International Islamic

University Malaysia. pp: 87-112.

Nordin, M. N. et al., (2008). "*Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi Dalam Dakwah Islamiyyah Di Malaysia,*" Jurnal Maw'izah, jilid 1. pp. 15-16.
<https://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/223/193>

Saman, T. (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.,

Zakaria, A. R. (2007). "*Kitab Idangan Guru Sahih al-Bukhari wa Muslim: Satu Kajian Dari Aspek Metodologi Huraian Hadith*". Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007.